

SULIT
3756/1
Prinsip
Perakaunan
Kertas 1
Ogos
2019

3756/1



MAKTAB RENDAH SAINS MARA

PEPERIKSAAN AKHIR SIJIL PENDIDIKAN MRSMA 2019

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf A, B, C dan D. Bagi tiap-tiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 16 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

3756/1

©2019 Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA

[Lihat halaman sebelah
SULIT


- 1 Pernyataan di bawah berkaitan etika profesion perakaunan.

Fatimah adalah seorang akauntan yang profesional serta mempunyai kemahiran dan keupayaan untuk memberi perkhidmatan perakaunan yang terbaik terhadap pelanggannya.

Apakah etika profesion perakaunan yang diamalkan oleh beliau?

- A Sifat profesional
- B Kompetensi
- C Kerahsiaan
- D Integriti

- 2 Rajah 1 menunjukkan perkembangan perakaunan.



Rajah 1

Apakah Z ?

- A Percukaian
- B Pengauditan
- C Perakaunan Kos
- D Perakaunan Kewangan

- 3 Dokumen 1 merupakan memo yang dikeluarkan oleh Butik Amani dan telah direkodkan ke dalam akaun yang berkaitan.

MEMO BUTIK AMANI 726, Jalan Bunga Pekan, 42700 Banting, Selangor.	
Kepada	: Kerani Akaun
Daripada	: Puan Amani
Tarikh : 26 Januari 2019	
Perkara	
Pemilik mengambil 2 pasang baju kurung moden yang bernilai RM240 untuk kegunaan sendiri.	
<i>Amani</i> (Pemilik)	

Dokumen 1

Apakah andaian perakaunan yang dipatuhi oleh Butik Amani?

- A Wang sebagai ukuran
- B Tempoh perakaunan
- C Usaha berterusan
- D Entiti berasingan

4 Rajah 2 menunjukkan sebuah organisasi di Malaysia.




KPJ HEALTHCARE BERHAD

Rajah 2

Apakah ciri bagi organisasi di atas?

- A Dapat menggabungkan modal dan kepakaran
- B Berdaftar di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan
- C Pemilik menanggung semua kerugian perniagaan
- D Tanggungan liabiliti terhad kepada sumbangan modal

5 Rajah 3 menunjukkan pengelasan belanja.



Rajah 3

Apakah X ?

- A Insurans dan dividen
- B Belanja am dan alatan
- C Belian dan gaji pekerja
- D Sewa diterima dan alat tulis

- 6 Maklumat berikut merupakan kesan urus niaga terhadap persamaan perakaunan.

Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
Berkurang	Tiada kesan	Berkurang

Urus niaga manakah yang menunjukkan kesan di atas?

- A Membayar sewa kediaman dengan tunai perniagaan
 - B Membayar Akaun Belum Bayar dengan tunai di bank
 - C Pemilik membawa tunai peribadi ke dalam perniagaan
 - D Menerima bayaran dari Akaun Belum Terima dengan cek
- 7 Puan Nurul Hana merupakan seorang peniaga yang menjual *Sambal Hitam Pahang* secara atas talian. Seorang pelanggan, Azilah telah membuat aduan tidak menerima sambal hitam yang ditempah.

Apakah dokumen yang boleh dijadikan bukti penghantaran sambal hitam tersebut?

- A Slip Pindahan Wang
 - B Baucar Tunai Runcit
 - C Folio Pelanggan
 - D Resit
- 8 Berikut adalah maklumat daripada Perniagaan Nurul Jannah.

Dt	Buku Tunai (Petikan)				
Tarikh	Butiran	Folio	Diskaun	Tunai	Bank
2019			RM	RM	RM
Feb 15	Adam Danial				2 000

Apakah sumber dokumen yang telah digunakan?

- A Baucar Tunai Runcit
- B Slip Daftar Tunai
- C Resit Rasmi
- D Bil Tunai

- 9 Dokumen 2 diperoleh daripada Kedai Kasut Nurul Husna.

ASAL	INVOIS Kedai Perabot Faqih No. 2115, Jln Bukit Keluang 22200 Besut, Terengganu 09-695 7715	NO: INV9508
Kepada; Kedai Kasut Nurul Husna Jln Jerleh, 22200 Besut, Terengganu		Tarikh: 11 Julai 2019

Bil	Butir	Harga seunit (RM)	Unit	Jumlah (RM)
1.	Rak Pameran	3 000	1	3 000
				3 000
Tolak Diskaun Niaga 10%				300
JUMLAH				2 700

Ringgit: Dua ribu tujuh ratus sahaja

Syarat: 10% 7 hari

Serahan: Angkutan dibayar K.&K. di K.

Husna
(Penerima)

Faqih Nasri
(Pengurus)

Dokumen 2

Apakah catatan yang betul dalam Jurnal Am?

	Butiran	Debit RM	Kredit RM
A	Perabot Kedai Perabot Faqih	3 000	3 000
B	Belian Kedai Kasut Nurul Husna	2 700	2 700
C	Belian Kedai Kasut Nurul Husna	3 000	3 000
D	Perabot Kedai Perabot Faqih	2 700	2 700

10 Antara berikut, manakah yang akan direkodkan dalam Jurnal Pulangan Jualan?

- I Kesilapan jenama
- II Harga terkurang caj
- III Pemulangan barangan rosak
- IV Jualan barang niaga secara kredit

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

11 Maklumat di bawah diperoleh daripada Perniagaan Nur Diyan Hanis.


Buku Tunai Runcit (petikan)

Tarikh	Butir	Fol.	Penerimaan (Debit)	Pembayaran (Kredit)
2019			RM	RM
Feb 1	Baki b/b		20	
1	Bank		130	
5	Fail			10
15	Pos berdaftar			15
18	Minuman			30
20	Setem			20
25	Upah cuci			35
			150	110
28	Baki h/b			40
			150	150
Mac 1	Baki b/b		X	
	Bank		Y	

Berapakah nilai Y?

- A RM40
- B RM110
- C RM130
- D RM150

12 Rajah 4 menunjukkan aset-aset bagi Perniagaan Runcit Umar Michael.



Rajah 4

Lejar manakah yang sesuai untuk merekodkan aset-aset tersebut?

- A Lejar Am
- B Lejar Khas
- C Lejar Belian
- D Lejar Jualan

13 Urus niaga berikut di ambil daripada Percetakan Cerdik Pintar.

Menerima pulangan daripada Kedai Buku Airiel

Pilih catatan bergu yang betul.

	Debit	Kredit
A	Kedai Buku Airiel	Pulangan Belian
B	Pulangan Belian	Kedai Buku Airiel
C	Kedai Buku Airiel	Pulangan Jualan
D	Pulangan Jualan	Kedai Buku Airiel

14 Maklumat berikut diambil daripada Syarikat Desa Ariff Muslim.

Akaun Kawalan Belum Terima

Tarikh	Butir	Fol	Amaun	Tarikh	Butir	Fol	Amaun
2019			RM	2019			RM
Mei 1	Baki b/b		5 000	Mei 31	Bank		21 000
31	Jualan		22 000		Diskaun		650
	Bank		3 000		Baki h/b		8 600
	Diskaun		250				
			30 250				30 250
2019							
Jun 1	Baki b/b		8 600				

Apakah maksud diskaun RM250 di bahagian debit?

- A Diskaun diterima dibatalkan
- B Diskaun diberi dibatalkan
- C Diskaun diterima
- D Diskaun diberi

15 Butiran manakah yang disenaraikan di bahagian debit Imbangan Duga?

- A Jualan
- B Dividen
- C Pulangan masuk
- D Pulangan keluar

16 Antara berikut, manakah kebaikan sistem inventori berterusan?

- I Pengiraan inventori dijalankan secara manual
 - II Nilai dan kuantiti inventori sentiasa dikemaskini
 - III Pergerakan inventori akan direkodkan secara terperinci
 - IV Amaun inventori diperoleh pada akhir tempoh perakaunan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

17 Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Maju Jaya Berhad yang berakhir 31 Mac 2019.

Akaun Gaji					
Tarikh	Butir	RM	Tarikh	Butir	RM
2019			2019		
Mac 1	Baki b/b	308 000	Mac 31	W	336 000
Mac 31	Bank	28 000			
		<u>336 000</u>			<u>336 000</u>

Apakah W?

- A Imbangan Duga
- B Akaun Perdagangan
- C Akaun Untung Rugi
- D Penyata Kedudukan Kewangan

18 Apakah maksud belanja prabayar?

- A Belanja yang belum dibayar
- B Belanja yang mesti dibayar pada tempoh perakaunan semasa
- C Belanja yang sepatut dibayar pada tempoh perakaunan semasa tetapi belum dibayar
- D Belanja yang sepatutnya dibayar pada tempoh perakaunan hadapan tetapi telah dibayar pada tempoh perakaunan semasa

19 Maklumat berikut diambil daripada buku Perniagaan Zarina Kosmetik.

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017			
	Kos	Susut Nilai Berkumpul	Nilai Buku
	RM	RM	RM
<u>Aset Bukan Semasa</u>			
Lengkapan	12 000	1 200	10 800

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018			
	Kos	Susut Nilai Berkumpul	Nilai Buku
	RM	RM	RM
<u>Aset Bukan Semasa</u>			
Lengkapan	12 000	R	?

Polisi perniagaan telah menetapkan kadar susutnilai Lengkapan adalah 10% mengikut kaedah baki berkurangan.

Kirakan R.

- A RM1 080
- B RM1 200
- C RM2 280
- D RM2 400

20 Petikan berikut diperolehi daripada buku Perniagaan Ramzul Ihsan.

Imbangan Duga pada 28 Februari 2019		
Butir	Debit	Kredit
	RM	RM
Insurans	1 800	

Maklumat tambahan:

Premium insurans yang dibayar ialah bagi tempoh 1 Ogos 2018 hingga 31 Julai 2019.

Berapakah jumlah insurans yang harus dicatatkan dalam Imbangan Duga Terselaras?

- A RM150
- B RM750
- C RM1 050
- D RM1 800

- 21 Kesilapan berikut telah dikesan selepas Imbangan Duga disediakan dalam Perniagaan Hanna Sumaiyya.

Angkutan Masuk sebanyak RM150 tersalah rekod ke dalam akaun Angkutan Keluar.

Apakah jenis kesilapan di atas?

- A Kesilapan prinsip
- B Kesilapan komisen
- C Kesilapan songsang
- D Kesilapan saling mengimbangi

- 22 Berikut adalah petikan baki-baki buku Perniagaan Syifaa pada 30 Jun 2019.

Butiran	Debit RM	Kredit RM
Belian dan Jualan	45 000	105 000
Inventori 1 Julai 2018	10 200	
Pulangan	1 000	450
Angkutan Masuk	400	
Duti Import	600	

Maklumat tambahan:

- i. Sekeping nota kredit RM350 daripada Pembekal Naim baru dijumpai dan belum direkodkan dalam mana-mana buku.
- ii. Inventori pada 30 Jun 2019 bernilai RM15 420.

Kirakan untung kasar.

- A RM65 120
- B RM64 020
- C RM63 320
- D RM48 600

- 23 Pernyataan di bawah menunjukkan satu fungsi analisis nisbah Penyata Kewangan.

Digunakan bagi mengukur keupayaan sesebuah perniagaan untuk membayar hutang jangka pendek dengan cepat.

Apakah jenis nisbah tersebut?

- A Nisbah Keberuntungan
- B Nisbah Ujian Asid
- C Nisbah Kecairan
- D Nisbah Semasa

24 Berikut merupakan maklumat Syarikat Mary Dee.

Tahun	2015 RM	2016 RM	2017 RM	2018 RM
Jualan Bersih	100 000	80 000	110 000	90 000
Untung Kasar	50 000	50 000	65 000	55 000

Tahun manakah menunjukkan Margin Untung Kasar yang paling baik?

- A 2018
- B 2017
- C 2016
- D 2015

25 Apakah punca yang menyebabkan rekod perniagaan tidak lengkap?

- A Dokumen sumber urus niaga tidak disimpan secara sistematik
- B Imbangan Duga tidak seimbang antara debit dan kredit
- C Peniaga tidak menguruskan perniagaan dengan baik
- D Tiada perancangan tunai dalam perniagaan

26 Butiran berikut diambil daripada Kedai Taylor.

Butir	31 Disember 2017 RM	31 Disember 2018 RM
Akaun Belum Bayar	100 000	75 000
Belian Tunai	50 000	80 000
Bayaran kepada pembekal	-	125 000

Kirakan belian kredit.

- A RM100 000
- B RM150 000
- C RM180 000
- D RM230 000

27 Apakah kepentingan pengasingan tugas dalam aspek kawalan pengendalian tunai sesebuah perniagaan?

- A Kerja perekodan menjadi lebih mudah
- B Penyelewengan wang tunai dapat dielakkan
- C Masa perekodan urus niaga dapat dijimatkan
- D Keuntungan perniagaan dapat dimaksimumkan

28 Berikut adalah butiran yang diperoleh daripada Kedai Swift.

	RM
Cek belum dikemukakan	600
Deposit belum dikreditkan	300

Pada 31 Mac 2019, buku tunai menunjukkan baki debit RM2 500.

Berapakah baki akhir bulan Mac di Penyata Bank?

- A RM3 400
- B RM2 800 ✓
- C RM2 200
- D RM1 600

29 Butiran manakah direkodkan sebagai pembayaran dalam belanjawan tunai?

- A Hutang Lapuk
- B Susut Nilai Lekapan
- C Faedah atas Pinjaman ✓
- D Peruntukan Hutang Ragu

30 Pilih penerangan yang benar mengenai kandungan Ikatan Perkongsian berkaitan aspek perakaunan.

	Aspek Perakaunan	Penerangan
I	Faedah atas Ambilan	Merupakan tuntutan pekongsi kepada perkongsian
II	Faedah atas Modal	Merupakan tuntutan perkongsian terhadap pekongsi
III	Jumlah modal yang disumbangkan oleh pekongsi	Kepentingan setiap pekongsi dalam perniagaan perkongsian
IV	Kongsi Untung atau Rugi	Ditentukan setelah mengambil kira Faedah atas Ambilan, Faedah atas Modal serta Gaji pekongsi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

31 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perkongsian Ainasar.

Butiran	Aina RM	Aysar RM
Akaun Semasa (Kongsi Untung)	1 980	1 320
Gaji Pekongsi	-	2 500
Faedah atas Modal	1 500	1 000
Faedah atas Ambilan	80	-
Ambilan	800	-

Kira untung bersih.

- A RM4 920
- B RM5 880
- C RM8 220
- D RM8 300

32 Encik Ramadhan dan Encik Dhani ialah pekongsi dalam Perkongsian Ramadhani dengan pembahagian untung atau rugi 2:3. Pada 31 Disember 2018, mereka telah bersetuju untuk membubarkan perkongsian.

Akaun Realisasi

2018		RM	2018		RM
Dis 31	Perabot	5 000	Dis 31	Bank	10 000
	Kenderaan	20 000		Modal Ramadhan	3 500
	Inventori	1 200			
	Bank (Belanja Realisasi)	350			

Pilih Jurnal Am yang betul bagi merekodkan untung atau rugi realisasi pekongsi.

	Butir	Debit RM	Kredit RM
A	Realisasi Modal Ramadhan Modal Dhani	13 050	5 220 7 830
B	Realisasi Modal Ramadhan Modal Dhani	13 050	7 830 5 220
C	Modal Ramadhan Modal Dhani Realisasi	7 830 5 220	13 050
D	Modal Ramadhan Modal Dhani Realisasi	5 220 7 830	13 050

- 33 Dr. Radzi telah melanggan 20 000 unit 5% Syer Keutamaan pada harga RM1.00 sesyer yang ditawarkan oleh Syarikat Abam Jai Berhad.

Apakah keistimewaan yang akan dinikmati oleh beliau?

- I Diberi kuasa dan keutamaan sepenuhnya untuk menguruskan syarikat
- II Berhak untuk membuat tuntutan modal sekiranya syarikat dibubarkan
- III Menerima dividen dan tunggakan dividen terlebih dahulu
- IV Berhak mengundi semasa Mesyuarat Agung Tahunan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 34 Pada 5 Januari 2019, Syarikat Zikry Berhad telah menerbitkan 1 500 000 unit 6% Syer Keutamaan pada harga RM2.00 sesyer dan 2 000 000 unit Syer Biasa pada harga RM1.00 sesyer kepada orang awam. Semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh. Pada 30 April 2019, syarikat telah memutuskan untuk membayar dividen interim kepada pemegang Syer Keutamaan.

Kira dividen interim Syer Keutamaan.

- A RM180 000
- B RM60 000
- C RM40 000
- D RM30 000

- 35 Pilih padanan yang benar.

	Kedai Perabot Sakinah	Kelab Remaja Cergas
A	Rugi Bersih	Rugi Bersih
B	Modal	Dana Terkumpul
C	Buku Tunai	Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan
D	Akaun Perdagangan dan Untung Rugi	Akaun Penerimaan dan Pembayaran

- 36 Akaun yuran dibawah diambil daripada Kelab Catur MRSM Trolak bagi tahun berakhir 31 Disember 2018.

Akaun Yuran

2018	RM	2018	RM
Jan 1 Yuran Belum Terima	30	Dis 31 Bank	200
Dis 31 Pendapatan dan Perbelanjaan	150		
Q	20		
	<u>200</u>		<u>200</u>

Apakah Q?

- A Yuran Belum Terperoleh
 - B Yuran Belum Terima
 - C Yuran Masuk
 - D Yuran Lapuk
- 37 Urus niaga manakah merupakan pendapatan modal bagi Kelab Kebudayaan Melaka?
- A Menerima bayaran sewa alatan muzik
 - B Menerima yuran pertandingan festival kebudayaan
 - C Keuntungan daripada aktiviti persembahan kebudayaan
 - D Menerima derma untuk belian alatan muzik kebudayaan
- 38 Pilih pasangan komponen kos yang betul.

	Kos Bahan Langsung	Kos Buruh Langsung	Kos Overhed
A	Angkutan masuk bahan langsung	Gaji juruteknik kilang	Insurans kilang
B	Belanja alat-alat kecil	Gaji penyelia kilang	Susut nilai alatan kilang
C	Duti import	Gaji operator pengeluaran	Minyak pelincir kilang
D	Bahan api kilang	Gaji pengurus kilang	Belanja membaiki mesin

39 Maklumat berikut diambil daripada Kilang Mammy pada 30 Jun 2019.

	RM
Royalti dan reka bentuk produk	7 000
Gaji pekerja kilang	15 000
Gaji pegawai keselamatan kilang	5 400
Penyelenggaraan jentera kilang	8 900
Susut nilai alatan pejabat	3 000
Cukai taksiran kilang	12 000

Kira Kos Overhed.

- A RM26 300
- B RM29 300
- C RM41 300
- D RM56 300

40 Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Syaznan Toys, pengeluar kereta mainan kanak-kanak.

Kos Tetap	RM18 000
Kos Berubah	RM9 seunit
Harga Jualan	RM15 seunit

Sekiranya untung sasaran syarikat adalah RM42 000, berapakah unit kereta mainan perlu dikeluarkan?

- A 10 000 unit
- B 7 000 unit
- C 4 000 unit
- D 3 000 unit

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT